

04 OCT 1999

Wartawan-Bebas

WARTAWAN FEER AKAN DIBEBASKAN ISNIN

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Wartawan Far Eastern Economic Review, Murray Hiebert yang dihukum penjara pada 11 Sept lepas kerana menghina mahkamah akan dibebaskan Isnin ini (11 Okt), menurut seorang pegawai kanan Jabatan Penjara hari ini.

Hiebert, 50, Ketua Biro majalah itu di Malaysia, telah dihukum penjara enam minggu tetapi akan menjalani hukuman itu selama empat minggu sahaja kerana kelakuan baik, kata Penguasa Perhubungan Awam jabatan itu Jamil Razif Kassim kepada Bernama.

Kes Hiebert, seorang rakyat Canada, telah menjadi bahan siaran muka depan akhbar di seluruh dunia ketika beliau dijatuhi hukuman itu.

Jamil berkata Hiebert pada mulanya menjalani hukuman di Penjara Sungai Buloh dekat sini tetapi telah dipindahkan ke Penjara Seremban, Negeri Sembilan, 64 km dari sini 10 hari kemudian.

Apabila ditanya mengenai masa Hiebert akan dibebaskan pada hari itu, beliau berkata: "Bila-bila masa antara pukul 8 pagi dan 4 petang."

Jamil enggan menyatakan sebab Hiebert dipindahkan ke Penjara Seremban.

Hiebert didapati bersalah melakukan perbuatan itu pada September 1997 berkaitan rencana yang ditulisnya untuk majalah yang beribu pejabat di Hong Kong itu pada tahun yang sama.

Rencana itu, bertajuk "See You in Court" (Jumpa Lagi Di Mahkamah) membincangkan tentang peningkatan jumlah saman malu di Malaysia, khususnya kes membabitkan seorang anak lelaki seorang hakim terkemuka di Malaysia.

Hiebert, dari Steinbach, Manitoba, dipenjarakan setelah rayuannya ditolak ekoran penyabitan kesalahan itu.

Hukuman penjara terhadapnya telah menarik perhatian dunia kerana beliau menjadi wartawan pertama dalam tempoh separuh abad yang dipenjarakan kerana menghina mahkamah di mana-mana negara Komanwel.

Pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia antarabangsa dan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton melahirkan kebimbangan berkaitan tindakan terhadap Hiebert tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kritikan mereka merupakan campur tangan terhadap sistem kehakiman negara ini.

Hiebert telah menulis tentang kewajaran saman yang belum selesai dibicarakan yang dikemukakan oleh Datin Chandra Sri Ram, isteri kepada Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Gopal Sri Ram terhadap Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur.

Isteri Hiebert adalah guru di sekolah itu. Beliau dan dua orang anaknya sudah meninggalkan Malaysia dan kini tinggal di Washington, D.C.

Beberapa orang peguam dari negara Komanwel mengunjungi Hiebert di penjara Sungai Buloh, enam hari selepas beliau dipenjarakan, ketika mereka menghadiri Persidangan Undang-undang Komanwel di sini.

Peguam-peguam itu dari Britain, New Zealand dan Malaysia. Mereka diiringi Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Canada Otch van Finckenstein.

Sementara itu, Mahkamah Persekutuan akan mendengar permohonan Hiebert untuk mendapatkan kebenaran membuat rayuan terhadap sabitan kesalahan dan hukuman terhadapnya.

Hiebert pada mulanya dihukum penjara tiga bulan setelah beliau didapati bersalah pada 1997 tetapi Mahkamah Rayuan mengurangkan hukuman itu kepada enam minggu.

Beliau bersetuju untuk menjalani hukuman penjara pada hari yang sama setelah Mahkamah Rayuan enggan menyerahkan balik pasportnya.

-- BERNAMA
AU SBB NMO